

PANDUAN CUTI SEPARUH GAJI

1. Permohonan menggunakan borang permohonan dimana boleh didapati melalui E-community>Related Links>Polisi/ Garis panduan>Jabatan Pendaftar>Lain-lain>Borang permohonan cuti tanpa gaji/ cuti separuh gaji/ cuti tanpa rekod/ cuti haji.

BIL	PERKARA	RUJUKAN
i.	Atas sebab kesihatan sanak saudara	Perintah Am 13 (a) Bab C 1974
ii.	Semasa cuti sakit lanjutan	PA 22 Bab C 1974. Para 5 (a) Lamp D7 kpd PP 9/1991.
iii.	Selepas habis cuti tibi, kusta atau barah	PA 30 dan 31 Bab C 1974. Para 10 (d) Lamp D7 kpd PP 9/1991. Para 2 dan 6 SPP 5/2002.
iv.	Semasa diberi cuti belajar	Jika diluluskan CB separuh gaji. SPP 5/2002: PGT secara isyarat

i) **Cuti separuh gaji** atas sebab kesihatan sanak saudara.

- a) Kadar : **30 hari** bagi tiap-tiap genap tahun perkhidmatan yang melayakkan tetapi **tidak boleh melebihi 180 hari** bagi sepanjang tempoh perkhidmatan.
- b) *Sanak Saudara* bermaksud adik beradik, ibubapa dan lain-lain saudara mara yang rapat kepada pegawai.

ii) **Cuti sakit lanjutan**

- a) Jika masih tidak sihat selepas menghabiskan 90 hari cuti sakit lanjutan, Kuasa Tertentu boleh meluluskan **cuti tanpa gaji** selama tempoh tidak melebihi 90 hari atau sehingga 31 Disember dalam tahun kalendar, mengikut mana yang kurang dengan dibayar elaun bantuan bersamaan separuh gaji.
- b) Kemudahan ini **boleh diulang pada tahun kedua**. Jika tidak sembuh, boleh diperakukan untuk dibersarakan dari perkhidmatan atas sebab kesihatan di bawah Seksyen 10, 5 (a) Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239).

iii) **Cuti separuh gaji kerana tibi, kusta atau barah**

- a) Setelah cuti sakit tibi, kusta atau barah telah habis, pegawai berkenaan hendaklah mengambil **cuti rehat yang berkelayakan**. Jika tidak sihat juga, boleh diberi **cuti separuh gaji** oleh Kuasa Tertentu selama tidak melebihi 12 bulan apabila diperakukan oleh Lembaga Perubatan.
- b) Pegawai yang diberi kemudahan ini layak diberi Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) secara isyarat setakat **3 kali** jika ia bercuti separuh gaji melebihi 180 hari dalam

satu tahun kalendar.

c) Selepas habis cuti separuh gaji, ia **tidak layak** diberi sebarang cuti lagi.